



**TEKS UCAPAN
YANG BERBAHAGIA DATO' A. AZIZ BIN A. RAHIM
(PENGERUSI SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN)**

JEJAK MESRA EAIC PORT DICKSON

14 MEI 2018

KAMPUNG GELAM, PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM,

ASSALAMUALAIKUM WARRAHMATULLAHI WABARAKATUH, SALAM SEJAHTERA.

YANG DIHORMATI SAUDARI PENGERUSI MAJLIS,

YANG BERHORMAT DATUK DANYAL BALAGOPAL ABDULLAH AHLI PARLIMEN PORT DICKSON,

YANG BERHORMAT TUAN M.RAVI AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI SRI TANJUNG

YANG BERUSAHA ENCIK MOHAMAD ONN ABD.AZIZ, SETIAUSAHA, MERANGKAP KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF EAIC,

YANG DIHORMATI DATO' MUHAMMAD BUKHARI AB. HAMID, PENGARAH OPERASI EAIC

PUAN NORHAIZAN ABDUL RASHID, PENGARAH BAHAGIAN DASAR,
PENYELIDIKAN DAN INOVASI EAIC

PUAN WAHAYU HAJI ABDUL WAHAB, PENGARAH KOMUNIKASI
KORPORAT EAIC,

YANG DIALU-ALUKAN TETAMU-TETAMU JEMPUTAN YANG MEWAKILI
IAITU KOMUNITI PENDUDUK SEKITAR PORT DICKSON DAN RAKAN-
RAKAN MEDIA DI BIRO NEGERI SEMBILAN,

SERTA **WARGA KERJA EAIC**, SELAKU URUSETIA MAJLIS PADA HARI INI.

1. Saya mananjatkan setinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana di bawah rahmat dan inayahNya, dalam kehangatan PRU ke 14 yang baru sahaja selesai pada 9 Mei 2018, kita masih diberi kesempatan untuk bersama-sama pada hari ini di Majlis Jejak Mesra EAIC bersama masyarakat di Port Dickson. Bagi pihak EAIC, saya dengan berbesar hati merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kehadiran Tuan-Tuan dan Puan-Puan ke majlis kami pada hari ini.

2. Alhamdulilah sama-samalah kita mendoakan kesejahteraan dan kemakmuran negara di bawah pucuk pimpinan baharu YAB Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad. Saya percaya, dan saya sering mengingatkan diri sendiri serta warga kerja EAIC bahawa nilai-nilai integriti haruslah menjadi asas dan tunjang utama kepada kejayaan sesebuah negara terutama dalam memastikan perkhidmatan awam yang berakauntabiliti di kalangan masyarakat.

3. Para hadirin sekalian,

Sehubungan dengan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK) 11 iaitu memperkuuhkan EAIC sebagai salah satu badan pengawasan integriti di kalangan pegawai penguat kuasa / agensi penguatkuasaan, saya ingin menyentuh dengan ringkasnya mengenai usaha dan peranan EAIC sebagai badan pengawasan integriti.

4. Tuan-tuan dan puan-puan, sebagaimana yang termaktub di bawah subseksyen 4 (1) (e) Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [*Akta 700*], suka saya kongsikan bahawa pihak Suruhanjaya telah melaksanakan pelbagai aktiviti turun padang selaras dengan agenda merakyatkan perkhidmatan. EAIC sentiasa komited mengadakan program-program pendekatan golongan sasaran seperti EAIC & Anda, EAIC & Siswa, EAIC & Parlimen dan dalam sesi kita hari ini, Jejak Mesra EAIC.
5. Di peringkat agensi penguatkuasaan selain EAIC seperti Polis, Kastam, Imigresen, JPJ, Maritim, Jabatan Perikanan, EAIC sentiasa konsisten mengadakan dialog dan perbincangan dengan agensi berkaitan mahupun di peringkat negeri dan daerah. Isu-isu berkaitan integriti dan salah laku, dibincangkan secara terus dengan pegawai-pegawai penguat kuasa di peringkat negeri yang menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan di lapangan.
6. Para hadirin sekalian,

Persekutuan masa kini yang dinamik menuntut kami di EAIC untuk memberikan perkhidmatan yang berkualiti tinggi dan menitikberatkan kepentasan bekerja, ketelitian dan akauntabiliti dalam memenuhi

kehendak pelanggan. Kalau sebelum ini kami buka booth dan tunggu orang awam datang buat aduan, tapi melalui Jejak Mesra ini kami bawakan EAIC kepada anda agar khidmat / peranan kami dapat dimanfaatkan sebaiknya oleh tuan-tuan dan puan-puan. Matlamat kami melalui program ini adalah untuk:

- i. memperkenalkan EAIC kepada masyarakat umum terutama di kalangan komuniti luar bandar.
 - ii. merealisasikan aspirasi merakyatkan EAIC di samping membina persepsi positif dengan meyakinkan komuniti tempatan mengenai EAIC sebagai saluran dalam menangani salah laku di kalangan penguat kuasa tempatan; dan
 - iii. memupuk kesedaran isu-isu salah laku di kalangan penguat kuasa dan tanggungjawab di kalangan masyarakat serta membina usaha dan kerjasama dalam membanteras salah laku di kalangan pegawai penguat kuasa;
7. Oleh itu tuan-tuan dan puan-puan dalam menjayakan hasrat murni ini, saya mewakili EAIC mengharapkan usaha kami di Suruhanjaya akan terus mendapat keyakinan dan kepercayaan di mata dan hati rakyat.
8. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak khasnya kepada Yang Berhormat Datuk Danyal Balagopal Abdullah dan Yang Berhormat Tuan M. Ravi atas sokongan dan usahama dalam penganjuran program sebegini dengan objektif memartabatkan serta membudayakan nilai integriti di kalangan masyarakat khususnya di

- kalangan warga Port Dickson. Kerjasama ini sedikit sebanyak membantu meningkatkan kesedaran orang awam terhadap kebertanggungjawaban untuk melaporkan salah laku penguat kuasa serta menambahbaik sistem penyampaian yang telus dan berintegriti di kalangan agensi penguatkuasaan / pegawai penguat kuasa.
9. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada agensi-agensi yang mengambil bahagian dalam pameran dan kaunter penerangan pada hari ini.
 10. Akhir kata, saya sudahi ucapan saya dengan wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum waramatulahhi wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh:

**Bahagian Komunikasi Korporat
Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC)
13 Mei 2018**